

Bil. 13

Selasa

4 Ogos 2020



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]:

- **Persediaan Klinik Ulu Tiram Baru di Bandar Cemerlang untuk Menampung Permintaan Bilangan Pesakit di DUN Tiram, Parlimen Tebrau**
- *YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon*
(Tebrau)

(Halaman 1)

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 4 Ogos 2020**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Persediaan Klinik Ulu Tiram Baru di Bandar Cemerlang
untuk Menampung Permintaan Bilangan Pesakit
di DUN Tiram, Parlimen Tebrau**

2.34 ptg.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan, saya ingin menyampaikan kedudukan terdesak di Klinik Ulu Tiram dalam premis JKR 2159, Jalan Besar, Ulu Tiram.

Klinik Kesihatan Ulu Tiram telah mula beroperasi pada tahun 1963. Sejak itu, penduduk-penduduk di sekitar Kg. Baru Tiram, Kg. Oren, kampung-kampung Sungai Tiram, Felda Ulu Tebrau semua menggunakan klinik ini sebagai pusat rawatan dan nasihat perubatan.

Semakin pesat pembangunan Pekan Ulu Tiram, maka lebih banyak lagi penduduk datang ke klinik berbanding ke Hospital Sultan Ismail yang lebih jauh jaraknya di DUN Puteri Wangsa. Kini bilangan pesakit yang dirawat adalah seperti di bawah.

Kedatangan pesakit di Klinik Kesihatan Ulu Tiram pada tempoh Januari hingga Disember 2019 adalah:

- (i) Jumlah kedatangan pesakit ke Jabatan Pesakit Luar (*Out Patient Department*) adalah seramai 78,876 orang setahun dengan purata seramai 6,406 orang sebulan dan 320 orang sehari.
- (ii) Jumlah kedatangan pesakit Klinik Ibu dan Anak adalah seramai 81,586 orang setahun, purata adalah 6,798 orang sebulan dan 341 orang sehari.

Ini bermakna jumlah kedatangan pesakit ke Klinik Kesihatan Ulu Tiram adalah di antara 600 hingga 700 orang pesakit sehari.

Peningkatan bilangan pesakit juga membawa masalah tempat letak kereta yang menjadikan jalan raya di luar klinik sentiasa sesak kerana tiada ruang letak kereta yang cukup. Maka, kerajaan telah merancang untuk memindah Klinik Kesihatan Ulu Tiram ke Bandar Cemerlang dan mula pembinaannya pada 21 Januari 2018, jangka siap pada 22 Januari 2020. Akan tetapi pembinaan Klinik Kesihatan Ulu Tiram masih belum siap pada masa ini. Kami dimaklumkan oleh kontraktor bahawa ia akan siap pada bulan November 2020.

Persoalan saya ialah:

- (i) Bolehkah kementerian memberi penjelasan apa sebab persiapan bangunan dan infrastruktur tidak siap ikut jadual? Adakah November 2020 ialah tarikh muktamad untuk siap ikut spesifikasi?
- (ii) Sekiranya kelewatan siap pembinaan melibatkan kos tambahan, berapa kos tambahan itu dan apa sebabnya?
- (iii) Bilakah tarikh Klinik Kesihatan Ulu Tiram baru ini boleh beroperasi memandangkan semua kelengkapan perkakasan klinik dan infrastruktur belum disempurnakan?

Sekian, terima kasih.

2.37 tgh.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambah baik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Ulu Tiram, Johor telah mula pembinaan pada 23 Januari 2018 oleh kontraktor Sakiza Indah Sdn. Bhd. dengan tempoh pelaksanaan selama 24 bulan. Projek ini telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi di bawah Rolling Plan Ke-3 2013-2014 Rancangan Malaysia Ke-9 dengan kos sebanyak RM31,290,000.00.

Projek ini pada asalnya dijangka siap pada 20 Januari 2020. Namun disebabkan oleh beberapa faktor termasuk pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan pada 18 Mac 2020, projek ini telah diberikan

pelanjutan masa (*extension of time*) sebanyak dua kali dan tarikh siap semasa projek adalah pada 25 Jun 2020. Namun demikian, projek ini gagal untuk disiapkan dan pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia telah mengenakan denda berbayar atau *liquidated ascertained damages* (LAD). Kemajuan fizikal projek ialah 88 peratus sebenar berbanding 100 peratus mengikut jadual.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan unjuran semasa, projek ini dijangka siap pada 30 Oktober 2020 dan dijangka diserahkan kepada KKM pada bulan November 2020. Klinik kesihatan ini dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada Disember 2020.

Kementerian Kesihatan bersama JKR dan agensi-agensi kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar. Adalah menjadi aspirasi kementerian ini agar projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang pada hari Rabu, 5 Ogos 2020.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.40 petang]